

# PROFIL

Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



## Dasar Alam Sekitar Negara

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Terdapat lapan (8) prinsip di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu :

- Pengawasan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam
- Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
- Penggunaan Lestari Sumber-sumber Asli
- Membuat Keputusan Bersepadu
- Peranan Sektor Swasta
- Komitmen dan Kebertanggungjawaban
- Penyertaan Aktif Dalam Masyarakat Antarabangsa

## Pengenalan

Pengurusan alam sekitar di Malaysia telah menjadi lebih sistematik apabila Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) diwartakan pada 14 Mac 1974. Turutan dari itu sebuah agensi penguatkuasa, Bahagian Alam Sekitar (mula dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1983) telah ditubuhkan pada tahun 1975. Kini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai 1645 tenaga kerja (apabila beroperasi sepenuhnya) yang ditempatkan di 15 buah Pejabat Negeri dan 25 buah Pejabat Cawangan di seluruh negara. Fungsi utama JAS ialah mencegah, menghapus, mengawal dan memperbaiki alam sekeliling melalui penguatkuasaan AKAS, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

## Visi

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat.

## Misi

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara.

## Fungsi

Mentadbir dan Menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Bahagian IV, Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984.

## Strategi

- Kawalan dan Pencegahan Pencemaran
- Pembangunan Lestari melalui Pemuliharaan Sumber Semulajadi
- Integrasi Faktor Alam Sekitar dalam Perancangan Pembangunan
- Promosi Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar
- Penglibatan orang awam
- Kerjasama Antara Agensi dan Persekutuan Negeri
- Kerjasama dan Hubungan Dua Hala, Serantau dan Antarabangsa

## Pencapaian Perkhidmatan Awam

- Anugerah Khas Perkhidmatan Awam di bidang Pengurusan Teknologi Maklumat (1992, 1994)
- Sijil Penghargaan dalam kategori Perkhidmatan Kaunter Terbaik (1993)
- Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik bagi kategori Kementerian Persekutuan (1993, 1994)
- Anugerah Kualiti Ketua-Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) (1994)
- Hadiah Pertama: Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) di Peringkat Kementerian (1994, 1995)
- Anugerah Khas Perkhidmatan Awam kategori Pengukuran Prestasi (1995)
- Anugerah Khidmat Cekap Perkhidmatan (1996)
- Anugerah Sijil ISO 9002 (1997) (Sijil Pelesenan Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah Asli)
- Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (1998)
- Hadiah Pertama: Pertandingan Pameran Terbaik di Peringkat Kementerian (1999)
- Anugerah ISO 9002 Bagi Memproses Laporan EIA Terperinci dan Penguatkuasaan Syarat-Syarat Kelulusan EIA (2000)
- Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam: Tempat Ketiga Pameran Q Terbaik Peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (2000, 2001)
- Anugerah Daun Keladi oleh Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) (2004)
- Johan : Pertandingan Penjimatan Tenaga dan Utiliti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Kategori Jabatan) (2009)
- Tempat Kedua : Pertandingan Kompendium Terbaik Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (2009)
- Anugerah ISO 9001:2008 Pensijilan dari SIRIM QAS International Sdn Bhd untuk Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat-Kelulusan EIA (2010)
- Penarafan 4 bintang di bawah "Star Rating System" oleh Malaysia Administrative and Modernization and Management Planning Unit (MAMPU), (2010)
- Pensijilan 5S oleh Malaysia Productivity Center (MPC), (2010)

## Ibu Pejabat:

Jabatan Alam Sekitar • Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Aras 1-4, Podium 3, Wisma Sumber Asli, No.25, Persiaran Perdana, Presint 4, 62574, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

## MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

"Kami semua adalah peka, prihatin dan sentiasa mengkaji semula setiap peruntukan undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, prosedur dan budaya kerja kami supaya tidak menjejaskan atau membawa kepada kesan-kesan negatif kepada pertumbuhan pembangunan yang berterusan; malah kami akan membawa pelbagai pembaharuan yang mungkin, untuk bersama-sama mencapai matlamat WAWASAN 2020 menerusi piagam pelanggan berikut:"

### Kelulusan Perancangan Projek

- Keputusan permohonan Kebenaran Bertulis untuk membina Premis-Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan permohonan Kelulusan Bertulis untuk memasang alat-alat pembakaran bahan api dan alat-alat kawalan pencemaran udara dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan ke atas Laporan EIA Awal yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 5 minggu.
- Keputusan ke atas Laporan EIA Terperinci yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 12 minggu.
- Keputusan Permohonan Penilaian Awal Tapak bagi pembinaan kilang baru dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.

### Pengeluaran Lesen / Kelulusan

- Keputusan permohonan lesen baru bagi operasi kilang pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.
- Keputusan permohonan pembaharuan lesen bagi operasi kilang pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual dikeluarkan serta-merta bagi pemohon yang hadir sendiri ke pejabat JAS atau dalam tempoh 1 minggu bagi permohonan melalui pos.
- Keputusan permohonan mengeksport buangan terjadual dikeluarkan dalam tempoh 3 hari setelah menerima persetujuan daripada negara pengimport dan negara transit.
- Keputusan permohonan mengimport buangan terjadual dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
- Keputusan permohonan untuk mengimport dan mengeksport bahan kimia yang dikawal di bawah Konvensyen Rotterdam dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu.
- Keputusan permohonan pengurusan khas buangan terjadual dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu.
- Keputusan permohonan lesen baru kilang getah asli mentah dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.
- Keputusan permohonan pembaharuan lesen kilang getah asli mentah dikeluarkan serta-merta bagi pemohon yang hadir sendiri ke pejabat JAS atau dalam tempoh 1 minggu bagi permohonan melalui pos.
- Keputusan permohonan lesen baru kilang kelapa sawit dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.

- Keputusan permohonan pembaharuan lesen kilang kelapa sawit dikeluarkan serta-merta bagi pemohon yang hadir sendiri ke pejabat JAS atau dalam tempoh 1 minggu bagi permohonan melalui pos.
- Keputusan permohonan kelulusan jenis (type approval) bagi kenderaan berenjin petrol, diesel dan motorsikal dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu.

### Penguatkuasaan

- Semua aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dipertingkatkan secara berterusan dan diperketatkan untuk menjamin pematuhan maksimum dan dijalankan dengan tegas, penuh adil dan saksama.
- Setiap kompaun dikeluarkan serta-merta atau dalam tempoh 1 minggu.
- Semua kes tindakan mahkamah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penyiasatan atau tarikh kesalahan dilakukan.

### Pengaduan Awam

- Semua kes aduan disalurkan kepada pejabat JAS Negeri atau agensi-agensi lain yang berkaitan untuk tindakan penyiasatan pada hari yang sama aduan diterima.
- Akuan penerimaan dikeluarkan pada hari yang sama aduan diterima.
- Pengadu diberi maklum balas status aduan berkenaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.
- Semua kes aduan berkaitan alam sekitar diuruskan secepat mungkin dan diselesaikan dalam tempoh 3 hingga 30 hari.
- Aduan kecemasan alam sekitar seperti kes tumpahan minyak di laut dan pembuangan buangan terjadual akan disalurkan sebaik sahaja aduan diterima kepada pejabat JAS Negeri atau Cawangan dan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (kes tumpahan minyak sahaja).

### Perhubungan Awam

- Layanan kepada semua pelawat diberikan dengan serta-merta atau selewat-lewatnya dalam tempoh 5 minit dengan penuh hormat dan bersopan santun.
- Semua temujanji perlu menepati masa. Temujanji yang perlu ditunggu atau diubah masa diberitahu dan tetamu akan diberi bahan-bahan bacaan terbitan JAS sementara menunggu.
- Maklumat data kualiti udara, air dan marin yang dipohon secara bertulis dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima.


### Pengurusan Kewangan

- Semua pungutan hasil diuruskan segera dan resit dikeluarkan serta-merta.
- Bayaran bil dibuat dalam tempoh 14 hari.

*"Pemuliharaan Alam Sekitar,  
Tanggungjawab Bersama"*



# CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



# PERKHIDMATAN DAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

## Perkhidmatan/ Maklumat

### Bilik Kawalan

Aduan-Aduan Pencemaran  
Pemberitahuan Insiden-Insiden Pencemaran  
No. Tel.  
No. Faks

### Khidmat Nasihat

Maklumat Berkaitan Alam Sekitar (Umum)  
Panduan Kepada Projek-Projek Pelaburan (Keperluan Alam Sekitar)  
Input Untuk Perancangan Projek Bersepadu  
Pengurusan Sisa Toksik dan Berbahaya (Pengenalan, Penstoran, Pelupusan)

### Konvensyen Basel

Pengendalian Sisa Toksik dan Berbahaya

### Maklumat Alam Sekitar

Data Kualiti Udara  
Data Kualiti Bunyi Bising  
Inventori Bahan-Bahan Kimia Malaysia  
Inventori Punca-Punca Pencemaran  
Data Kualiti Air  
Data Kualiti Air Marin  
Sistem Maklumat Perpustakaan (ILMU)  
Pangkalan Data Beban Pencemaran (PLDS)

### Pendidikan dan Kesedaran

Pita-Pita Video dan Kaset Alam Sekitar  
Poster, Risalah dan Bahan-Bahan Terbitan Mengenai Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar  
Ceramah dan Pameran Alam Sekitar  
Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)  
Program Latihan Penempatan Sektor Awam/Swasta (di bawah Konsep Pensyarikatan Malaysia)

### Maklumat

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar  
Bahan-Bahan Rujukan Alam Sekitar  
Sistem Rujukan Antarabangsa untuk Sumber-Sumber Maklumat Mengenai Alam Sekitar (INFOTERRA)  
Pusat Sumber EIA  
Sistem Maklumat Geografi Alam Sekitar (GIS)  
Direktori Perunding Alam Sekitar  
Konvensyen Antarabangsa/ Protokol-Protokol/ Perjanjian Dua Hala/ Pelbagai Hala)

### Pelesenan

Pelesenan Mengikut Keperluan-Keperluan di Bawah AKAS, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

### Protokol Montreal bagi Bahan Yang Menipiskan Lapisan Ozon (ODS)

Direktori ODS  
Jaringan Maklumat ODS  
Peneritan-Penerbitan ODS  
Protokol Pengiktirafan Alternatif CFC dan Halon  
Program Negara untuk Menghapuskan ODS  
Pangkalan Data Halon

### Terbitan Utama Jabatan Alam Sekitar

Laporan Kualiti Alam Sekeliling (EQR)  
Laporan Tahunan  
Majalah Impak  
Majalah Era Hijau  
Buku Amalan Mesra Alam

## Sila Hubungi

Bilik Operasi  
Bilik Operasi  
03-8871 2333/2356  
03-8889 1975/1973

www.doe.gov.my  
Bahagian Penilaian  
Bahagian Penilaian  
Bahagian Bahan Berbahaya

Bahagian Bahan Berbahaya

Bahagian Udara  
Bahagian Udara  
Bahagian Bahan Berbahaya  
Laporan Kualiti Alam Sekeliling (EQR)  
Bahagian Air dan Marin  
Bahagian Air dan Marin  
Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar  
www.doe.gov.my (JAS sahaja)

Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik

Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Sumber Manusia

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar  
Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar  
Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar

Bahagian Penilaian  
Bahagian Penilaian  
Bahagian Penilaian  
Seksyen Ehwat Antarabangsa

Ibu Pejabat JAS dan Pejabat JAS Negeri

Seksyen Perlindungan Ozon (Bahagian Udara)  
Seksyen Perlindungan Ozon  
Seksyen Perlindungan Ozon  
Seksyen Perlindungan Ozon  
Seksyen Perlindungan Ozon  
Seksyen Perlindungan Ozon

Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Bahagian Komunikasi Strategik



# AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974 DAN PERATURAN-PERATURAN DI BAWAHNYA

## AKTA


Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [AKTA 127]  
Bahagian IV, Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984

## PINDAAN

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985 [AKTA A636]  
Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 [AKTA A953] [P.U.(B) 314/96]  
Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998 [AKTA A1030] [P.U.(B) 278/00]  
Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001 [AKTA A1102] [P.U.(B) 225/01]  
Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007 [AKTA A1315]

## PERATURAN-PERATURAN

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977 [P.U.(A) 198/77]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 [P.U.(A) 342/77]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 [P.U.(A) 280/78]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 [P.U.(A) 338/78]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 [P.U.(A) 12/79] (dibatalkan - P.U.(A) 432/09)  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985 [P.U.(A) 296/85]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 [P.U.(A) 244/87]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [P.U.(A) 139/89] (dibatalkan - P.U.(A) 294/05)  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U.(A) 141/89]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996 [P.U.(A) 429/96]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Petrol) 1996 [P.U.(A) 543/96]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999 [P.U.(A) 451/99]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Halon) 1999 [P.U.(A) 452/99]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Lembaga Rayuan) 2003 [P.U.(A) 115/03]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 [P.U.(A) 464/03]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Dioksin dan Furan) 2004 [P.U.(A) 104/04]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U.(A) 294/05]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007 [P.U.(A) 145/07]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [P.U.(A) 432/09]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 [P.U.(A) 433/09]  
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009 [P.U.(A) 434/09]



## PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 1976 [P.U.(A) 51/76] (dibatalkan - P.U.(A) 276/93)  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 [P.U.(A) 199/77]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 [P.U.(A) 250/78]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 [P.U.(A) 362/87]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U.(A) 140/89]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Ke Atas Penggunaan Klorofluorokarbon dan Lain-Lain Gas Sebagai Propelan dan Agen Pengembang) 1993 [P.U.(A) 434/93]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) 1993 [P.U.(A) 276/93]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) 1994 [P.U.(A) 537/94]  
Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Larangan Terhadap Penggunaan Bahan Terkawal Di Dalam Sabun, Bahan Cuci Sintetik dan Agen Pencuci Lain) 1995 [P.U.(A) 115/95]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 1999 [P.U.(A) 501/99] (dibatalkan - P.U.(A) 365/05)

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Pembakaran Terbuka) 2000 [P.U.(A) 308/00] (dibatalkan - P.U.(A) 460/03)

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000 [P.U.(A) 311/00]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Pengurusan Halon) 2000 [P.U.(A) 490/00]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) (Perbadanan Putrajaya) 2002 [P.U.(A) 233/02]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003 [P.U.(A) 460/03]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pembawa Yang Ditetapkan) (Buangan Terjadual) 2005 [P.U.(A) 293/05]

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 2005 [P.U.(A) 365/05]

## KAEDAH-KAEDAH KUALITI ALAM SEKELILING

Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978 [P.U.(A) 281/78]

Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pembakaran Terbuka) 2000 [P.U.(A) 310/00]

Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) 2010 [P.U.(A) 73/10]

## UNDANG-UNDANG LAIN YANG BERKAITAN

Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35), 1989 (Berkuatkuasa di Bawah Akta Kastam 1967)

Perintah Promosi Pelaburan (Aktiviti-Aktiviti dan Barangan-barangan yang Dipromosikan)(Pindaan) (No. 10), 1990 (Berkuatkuasa di bawah Akta Promosi Pelaburan 1986)

Perintah Kastam (Larangan Import)(Pindaan)(No. 2) 1998

Perintah Kastam (Larangan Eksport)(Pindaan)(No. 3) 1998

Perintah Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (Aktiviti yang Ditetapkan) 1994

Perintah Pemuliharaan Alam Sekitar Sabah (Aktiviti yang Ditetapkan) 1999

Perintah Zon Ekonomi Eksklusif (Pelantikan Pegawai yang Diberi Kuasa) 2001 [P.U.(A) 35/2001]

# GARIS PANDUAN ALAM SEKITAR

## Garis Panduan EIA

EIA Guidelines For Coastal Resort Development [2nd Edition - Dec 2009]

EIA Guidelines For Petrochemical Industries [2nd Edition - Nov 2008]

EIA Guidelines For Industrial Estate Development [2nd Edition - Oct 2007]

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Bagi Pembangunan Padang Golf [1st Edition 1994]

EIA Guidelines For Groundwater and/or Surface Water Supply Projects [1st Edition 1995]

EIA Guidelines For Thermal Power Generation and/or Transmission Projects [2nd Edition - Dec 2009]

EIA Guidelines for Mines and Quarries [2nd Edition - Dec 2009]

EIA Guidelines For Development of Tourist and Recreational Facilities In National Parks [3rd Edition - Nov 2008]

EIA Guidelines For Development Of Tourist and Recreational Facilities On Island In Marine Parks [3rd Edition - Nov 2008]

EIA Guidelines for Industrial Projects [2nd Edition - Oct 2007]

EIA Guidelines for Toxic and Hazardous Waste Treatment and Disposal Projects [3rd Edition - Oct 2007]

EIA Guidelines For Forestry [2nd Edition - Dec 2009]

EIA Guidelines for Petroleum Industries [2nd edition - Nov 2008]

EIA Guidelines for Municipal Solid Waste and Sewage Treatment and Disposal Projects [2nd Edition - Oct 2007]

A Handbook of EIA Guidelines [5th Edition - Oct 2007]

EIA Guidelines for the Siting and Zoning Of Industries [3rd Edition - Nov 2008]

EIA Guidelines For Drainage and/or Irrigation Projects [1st Edition 1995]

EIA Guidelines For Fishing Harbours and/or Land Based Aquaculture Projects [1st Edition 1995]

EIA Guidelines For Dam and/or Reservoir Projects [1st Edition 1995]

EIA Guidelines For Coastal and Land Reclamation [2nd Edition - Nov 2008]

EIA Guidelines for Development of Resort and Hotel facilities In Hill Station [2nd Edition 2009]

EIA Guidelines For Agriculture [1st Edition - 2003]

EIA Guidelines For Housing and Township Development Projects [1st Edition 2003]

EIA Guidelines For Risk Assessment [2nd Edition - Oct 2007]

Guidelines for Prevention and Control of Soil Erosion And Siltation in Malaysia [2nd Edition - Nov 2008]

EIA - Procedure and Requirements in Malaysia [Nov 2008]

Environmental Requirements - A Guide For Investors [10th Edition - Dec 2009]

Economic Valuation of Environmental Impact Guidelines [1st Edition - Dec 2009]

## EIA Guidance Document

Sand Mining / Dredging

Housing Development

Coastal and Land Reclamation

Construction of Scheduled Waste Recovery Site (Off-Site)

Establishment of Industries Located Within Gazetted and EIA Approved Sites

Preparation of Terms of Reference for Detailed Environmental Impacts Assessment Report

Health Impact Assessment (HIA) in Environmental Impact Assessment (EIA)

Addressing Soil Erosion and Sediment Control Aspects in Environmental Impact Assessment (EIA) Report

Preparation and Submission of Environmental Management Plan EMP

Preparation of Soil Erosion and Sediment Control Plan ESCP

## Bahan Yang Menipiskan Ozon

Control Measures for Protection of Ozone Layer, 1994

Project Preparation under the Multilateral Fund, 1995

Prequalifying and Selection Criteria for Acceptable Alternatives of Ozone Depleting Substances in Malaysia, 1995

Malaysia Country Programme Update to Phase-out Ozone Depleting Substances, November 1995

Halon Directory, 1999

Significant New Alternatives List For Ozone Depleting Substances, 1999

Malaysia National CFC Phase out Plan 2002-2010 (NCFCP), July 2003

Customs-ODS Training Programme: Training Manual for Custom Officers, 2003

Mobile Air-conditioning Service Sector Training Manual, August 2003

Implementation of Protocol Montreal Program, 2004

Malaysia Transition Strategy for the Phase-out of Chlorofluorocarbon in Metered Dose Inhalers, October 2004

Operation Manual and Study Guide for RSS Technicians, 2007

## Pengurusan Buangan

Code of Practice for Service Stations, 1980 [revised 1993]

Explanatory Notes: Clean Air Regulations & You, 1980

Air Pollution Control Measures in Palm Oil Mills, 1985 [Revised 1997]

Air Pollution Control Limit in Palm Oil Mills, 1985 [Revised 1997]

Erection of Fuel Burning Equipment, 1981

Collection, Transportation and Disposal of Solid Wastes, 1981

Best Practicable Means for Minimization of Offensive Odour from Fishmeal factories, 1981

Best Practicable Means for Wood-based Industries, 1981

Application for Written Permission to Install Generators, 1982

Selection of Landfill Sites for Scheduled Wastes, 1985

Monitoring of Landfills for Scheduled Wastes, 1985

Standard Methods for Analysis of Rubber and Palm Oil Mill Effluents [Revised 1985]

Installation of Tee Pee and Package Type Incinerators, 1985

Stack Sampling, 1989

Disposal of Asbestos Wastes 1993 [revised 1995]

Export of Scheduled Wastes, 1993

Storage of Scheduled Wastes, 1993

Import of Scheduled Wastes, 1994

Zero Burning of Felled Plant Materials, 1994

Open Burning of Felled Plant Materials (Agricultural Wastes) 1981, [revised 1994]

Management and Disposal of Wastes from Downstream Petroleum Industries, 1994

Management and Disposal of Wastes from Upstream Petroleum Industries, 1994

Disposal of Asbestos Wastes 1993, (revised 1995)

Export, Import and Storage of Scheduled Wastes in Malaysia (CD ROM)

Implementation of the Basel Convention in Malaysia

Monitoring and Control of Pollution from Cement Plants, 1996

Air Emission Load Calculation, 2000

Disposal of Chemical Wastes from Laboratories, 2000

Applications for Licences and Permits for Hazardous Activities, 1990

Processing Written Permission for Industrial Waste Water Treatment Systems, 2000

Panduan Permohonan Lesen Bagi Menduduki dan Menggunakan Premis Yang Ditetapkan (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual), 2002 (Revised 2007) - Versi Bahasa Melayu Sahaja

Guidelines for the Classification of Used Electronic and Electrical Equipment in Malaysia, 2008

Prosedur Pembersihan Tapak Dan Pelupusan Haram Buangan Terjadual: Penggunaan Seksyen 47, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Dan Keperluan Lelongan, 2008

Guidelines on the Handling and Management of Clinical Wastes in Malaysia, Revised 2009

Guidelines on Standard and Specification of Recovered Waste Oil in Malaysia, 2009

Contaminated Land Management and Control Guidelines No. 1: Malaysian Recommended Site Screening Levels for Contaminated Land

Contaminated Land Management and Control Guidelines No. 2: Assessing and Reporting Contaminated Sites

Contaminated Land Management and Control Guidelines No. 3: Remediation of Contaminated Sites

Guidance For The Industry On The Notification and Registration of Environmentally Hazardous Substances (EHS) in Malaysia

Garis panduan Pembersihan Tapak Pelupusan Haram Buangan Terjadual, 2010

## Penguatkuasaan Marin

Prosedur Penguatkuasaan Pencemaran Marin

## Plan Kontigensi Kebangsaan

Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak

## Manual Prosedur Pengawasan

Manual Prosedur Pengawasan Air Laut

## Lain-lain Garis Panduan

Metal Finishing - Electroplating, 1999

Raw Natural Rubber Industry, 1999

Crude Palm Oil Industry, 1999

Textile and Clothing Industry, 2000

Food Industry - Noodle Process, 2000

Handbook for Legislators: A Guide to Air Pollution, 2003

Handbook for Legislators: A Guide to Water Quality, 2003

The Planning Guidelines for Environmental Noise Limits & Control, 2007

The Guidelines for Noise Labelling & Emission Limits of Outdoor Sources, 2007

The Planning Guidelines for Vibration Limits & Control in the Environment, 2007

Standard Operating Procedure for Sampling of Petrol and Diesel Properties from Oil Refinery and Retail Outlet

## Technical Guidance

Technical Guidance on Performance Monitoring of Industrial Effluent Treatment Systems (Industries and Consultants), 2006

Technical Guidance on Precommissioning Inspection of Industrial Effluent Treatment Systems (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance on Compliance Inspection of Industrial Effluent Treatment Systems (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance on Industrial Effluent Characterization Study (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance on Performance Monitoring of Air Pollution Control Systems (Industries and Consultants), 2006

Technical Guidance on Precommissioning Inspection of Air Pollution Control Systems (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance on Compliance Inspection of Air Pollution Control Systems (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance on Understanding Color and Its Removal From Textile Effluents (For Officers of DOE), 2006

Technical Guidance On Best Practical Means For The Concrete Batching Industry In Malaysia (Industries and Consultants), 2009

Guidance Document on Performance Monitoring of Industrial Effluent Treatment Systems (Industries and Consultants), 2009

Guidance Document on the Design and Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (Industries and Consultants), 2009

## DETIK-DETIK KEJAYAAN

**14 Mac 1974**

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127) diwartakan

**15 Sep 1975**

Bahagian Alam Sekitar ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar

**1 Mac 1976**

Bahagian Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

**23 Jun 1976**

Pelaksanaan Rancangan Kontigensi Tumpahan Minyak di Selat Melaka

**12 Apr 1977**

Pembentukan Majlis Kualiti Alam Sekeliling dan Mesyuarat Pertama Majlis Kualiti Alam Sekeliling

**11 Feb 1981**

Majlis Menandatangani memorandum persefahaman bagi menubuhkan 'Revolving Fund Committee' bagi Tumpahan Minyak daripada Kapal di Selat Melaka dan Singapura

**1 Feb 1981**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Pantai Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan); Sabah; Sarawak; Wilayah Selatan (Johor); Wilayah Utara (Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak); Wilayah Tengah (Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur)

**1 Sep 1983**

Bahagian Alam Sekitar dinaikkan taraf kepada Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

**1 Apr 1984**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Terengganu

**1985**

Pertandingan Debat Alam Sekitar di antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama diadakan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

**10 Mei 1985**

Sambutan Satu Dekad Penubuhan Jabatan Alam Sekitar

**12 Jul 1985**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Perak

**4 Dis 1986**

Penubuhan Akaun Amanah Kesedaran & Pendidikan Alam Sekitar

**1 Okt 1988**

Penubuhan Pusat Khidmat Nasihat Alam Sekitar Di Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA)

**26 Apr 1989**

Mesyuarat Pertama Negara-negara Ahli Konvensyen Vienna Dalam Perlindungan Lapisan Ozon di Helsinki

**19 Jun 1989**

Mesyuarat Pertama Pegawai -Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Alam Sekitar (ASOEN)

**21 Okt 1989**

Upacara Menandatangani Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar oleh Ketua-ketua Komenwel

**18 Jun 1990**

Perjanjian Kuala Lumpur mengenai alam sekitar dan Pembangunan (Kuala Lumpur - Accord) oleh Menteri-Menteri ASEAN

**1991**

Penubuhan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) diluluskan secara dasar oleh kerajaan.

**24 Sep 1991**

Mesyuarat Pertama 'Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment' (MSJCE) di Johor Bahru, Johor

**21 Okt 1991**

Pengisytiharan 21 Oktober sebagai Hari Alam Sekitar Malaysia oleh DYMM Yang DiPertuan Agong. Anugerah Langkawi pertama untuk kecemerlangan dalam bidang alam sekitar

**1 Jan 1992**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Perlis/Kedah

**4 Jun 1992**

Penyertaan di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil

**1 Dis 1992**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Melaka

**1 Jan 1994**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

**31 Jan 1994**

Menandatangani memorandum persefahaman ASEAN-Oil Spill Response Action Plan (OSRAP)

**6 Ogos 1994**

Pelancaran Sistem Komputerisasi Perpustakaan "Columbia Library System"

**1 Feb 1995**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**2 Mei 1995**

Penubuhan Pejabat Jabatan Alam Sekitar Kelantan

**20 Jun 1995**

Sambutan 20 tahun Penubuhan Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia

**16 Apr 1996**

Anugerah Hibiscus Perdana Menteri untuk menghargai komitmen industri dan perniagaan ke arah kecemerlangan alam sekitar

**10 Sep 1996**

Pelancaran Laman Web Jabatan Alam Sekitar di Kuala Lumpur oleh Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

**25 Okt 1996**

Menerima Anugerah Perlindungan Stratosferik Ozon oleh USEPA atas Kepimpinan Korporat bagi 'ODS' Phase-out

**6 Mei 1997**

Pelancaran Bank Maklumat Alam Sekitar (Infokiosk) oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

**4 Jun 1997**

Pelancaran Logo Jabatan Alam Sekitar dan dianugerahkan sijil ISO 9002 bagi Sistem Perlesenan Kilang Kelapa Sawit dan Getah Asli Mentah

**14 Sep 1997**

Menerima anugerah 'Best-of-the-Best Stratospheric Ozone Protection' di atas Kepimpinan di dalam Kerjasama Teknologi dan Diplomatik

**15 Sep 1997**

Menerima Anugerah 'Outstanding National Ozone Protection Unit' dari UNEP

**16 Sep 1997**

Menerima Anugerah Ozon UNEP sempena ulangtahun ke-10 'Montreal Protocol on Substances that deplete the Ozone Layer'

**5 Jun 1998**

Pelancaran "Agenda 21: versi Kanak-kanak" di Kuala Lumpur dan Pelancaran Projek Wira Alam Malaysia

**21 Okt 1999**

Ketetapan MEXCO mengenai Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai

**2 Nov 1999**

Penubuhan Pusat Khidmat Setempat (Koridor Raya Multimedia) di Majlis Daerah Sepang, Selangor

**10 Apr 2000**

Penubuhan Jabatan Alam Sekitar Perlis dan Pejabat WP Labuan.

**2 Mei 2000**

Upacara meletakkan batu asas Bangunan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) oleh Y.B Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di UKM Bangi, Selangor

**13 Sep 2000**

Dianugerahkan sijil ISO 9002 Memproses Laporan EIA Terperinci dan Penguatkuasaan Syarat-Syarat Kelulusan EIA

**15 Sep 2000**

Sambutan Jubli Perak Jabatan Alam Sekitar

**21 Mei 2001**

Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar berpindah ke Putrajaya

**2 Apr 2002**

Pembukaan Rasmi Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

**10 Jun 2002**

Upacara bersejarah menandatangani Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan

**10-12 Jun 2002**

Menjadi tuan rumah Persidangan Dunia mengenai Bahaya Kebakaran Hutan & Tanah 2002

**26 Ogos - 4 Sep 2002**

Menyertai Persidangan Dunia mengenai Pembangunan Lestari di Johannesburg, Afrika Selatan

**2 Okt 2002**

Dasar Alam Sekitar Negara diluluskan oleh Jemaah Menteri

**14 Nov 2002**

Pelancaran Dasar Alam Sekitar Negara

**5 Jun 2003**

Pelancaran Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar oleh Y.B Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Putrajaya

**19 Ogos 2003**

Persidangan pertama 'Environment: The Role of Women'

**8-12 Dis 2003**

Majlis Menandatangani Deklarasi Putrajaya mengenai Kerjasama Serantau Untuk Pembangunan Mapan Laut Timur Asia daripada 12 negara Asia Tenggara

**27 Mac 2004**

Jabatan Alam Sekitar ditempatkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang baru ditubuhkan

**1 Jun-31 Jul 2004**

Pameran Lukisan Alam Sekitar Pertama (dari perspektif Kartunis) di Shah Alam

**28 Sep 2004**

Anugerah Daun Keladi oleh Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM)

**2 Dis 2004**

Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) buat pertama kalinya disambut dengan penglibatan semua agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

**5 Dis 2004**

Enviro - Walk 'Think Future, Go Nature', bersama CEO's Industri Kecil dan Sederhana di Taman Botani, Putrajaya

**27 Jan 2005**

Pelancaran Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar oleh Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Y.B Menteri Pelajaran Malaysia

**7 Jul 2005**

Program Penganugerahan Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar 2005 telah disempurnakan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Hotel Marriot, Putrajaya

**1 Ogos-20 Okt 2005**

Jabatan Alam Sekitar menganjurkan Kursus Asas Perkhidmatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar buat kali pertama di Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

**23 Ogos 2005**

Program Persidangan Wanita dan Alam Sekitar dirasmikan oleh isteri kepada Y.B Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Di PUSPANITAPURI, Putrajaya

**14-15 Nov 2006**

Mesyuarat Pengurusan ASEAN-Oil Spill Preparedness and Response (OSPAR) ke-4 di Pulau Langkawi

**14 Dis 2006**

Pelancaran Occupational and Safety Health (OSH) Jabatan Alam Sekitar oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

**1 Jan 2007**

Melaksanakan sistem "e-consignment note" untuk memantau pergerakan buangan terjadual di Malaysia

**1 Jun 2007**

Pendaftaran Perunding Laporan EIA bermula.

**7-8 Jul 2007**

JAS buat pertama kalinya menyertai pameran di Karnival Jom Heboh di Pulau Pinang

**27-28 Nov 2007**

Seminar 'Asean Plus Three Seminar on Promotion of Environmentally Sound Technologies and Cleaner Production' di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

**16 Sep 2007**

Sijil Pengiktirafan Protokol Montreal, Pengiktirafan 'Projek Contoh Protokol Montreal' (Conversion of 11 Small and Medium Sized Commercial Refrigeration Enterprises) dan 'Methyl Chloroform Conversion at Proton Automobiles' sempena ulang tahun ke 20 Protokol Montreal

**3 Jun 2008**

Memorandum Persefahaman di antara Malaysia dan Indonesia ke arah usaha-usaha Pencegahan Kebakaran Tanah dan Hutan serta Jerebu di Wilayah Riau Sumatera, Indonesia.

**1 Jul 2008**

Perkhidmatan pembayaran online melalui perbankan internet untuk kompaun-kompaun yang dikeluarkan

**15 Jul 2008**

Pelaksanaan Sistem Notifikasi dan Pendaftaran Bahan-Bahan Berbahaya kepada Alam Sekeliling (EHS) yang membolehkan para pengeluar dan pengimport (EHS) membuat notifikasi kepada JAS

**4 Jun 2009**

Pelancaran Program Rakan Alam Sekitar (RAS)

**7 Nov 2009**

Menyambut "Universal Ratification of 196 Parties" Pengiktirafan Kepada Malaysia untuk ratifikasi bagi Konvensyen Vienna dan Protokol Montreal pada 28 Ogos 1989

**19 Mac 2010**

Anugerah ISO 9001:2008 Pensijilan dari SIRIM QAS International Sdn Bhd

**6 Apr 2010**

Penarafan 4 bintang di bawah "Star Rating System" oleh MAMPU

**4 Ogos 2010**

Pensijilan 5S oleh MPC